

01 MAY 2002

Mahathir-Mansuh/I

KERAJAAN TIDAK AKAN BERGANJAK DARIPADA CUBAAN MANSUHKAN SEKATAN

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Kerajaan sedang cuba menangkis usaha negara maju untuk membuka ruang bagi pihak asing menguasai industri Malaysia atas alasan globalisasi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malaysia menghadapi tekanan daripada negara maju yang telah menyediakan memorandum bertujuan untuk memansuhkan syarat dan peraturan yang menyekat pelaburan asing seperti kuota Bumiputera, katanya.

"Mereka kata ini tidak membentuk peluang yang sama rata," katanya pada persidangan akhbar selepas menyampaikan ucapan pada perhimpunan Hari Pekerja bagi sektor awam di Institut Tadbiran Negara (Intan) di sini.

Sambil menegaskan bahawa kerajaan tidak akan berganjak daripada pendiriannya, beliau berkata kerajaan bagaimanapun mengakui hakikat bahawa ia sedang berhadapan dengan negara-negara yang "amat berkuasa".

Beliau menarik perhatian bahawa pada mesyuarat-mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), negara-negara ini mungkin mempunyai lebih banyak pengaruh kerana mereka boleh menghantar wakil beratus orang ramainya berbanding hanya 10 hingga 15 yang boleh dihantar Malaysia.

"Dia juga ada komunikasi secara langsung dengan bank-bank dan peguam mereka. Kalau orang kita tidak cekap, kita mungkin kata tak mengapa dan serahkan hak kita kepada orang lain," kata beliau.

Dalam kes Kawasan Dagangan Bebas Asean (Afta), Dr Mahathir berkata Malaysia telah belajar daripada pengalaman selepas ia bersetuju terhadap dasar 40 peratus kandungan tempatan.

Negara Asean lain akan mampu menjual kereta yang lebih murah berbanding Malaysia apabila Afta dilaksanakan kerana produk dengan kandungan tempatan layak dilabelkan sebagai barangan tempatan yang mendapat faedah daripada pembatalan tarif di bawah Afta, katanya.

Dr Mahathir berkata kereta nasional Proton dengan 90 peratus kandungan tempatan adalah lebih mahal berbanding kereta asing yang dikeluarkan negara-negara Asean.

Ini kerana negara Asean lain hanya perlu memasang alat ganti yang rendah tambah nilainya sehingga 40 peratus untuk memenuhi keperluan dasar kandungan tempatan.

"Produk kita adalah kereta nasional, tidak sama dengan mengambil produk asing," katanya.

Dr Mahathir juga berkata semasa meliberalkan industri tertentu, kerajaan perlu berwaspada mengenai kesan daripada keuntungan yang dihantar pulang oleh para pelabur asing terhadap rizab antarabangsa Malaysia.

Sebagai contoh, apabila sebuah pasar raya British mahu membawa pulang keuntungannya, ia akan menukar ringgit kepada paun sterling, maka ia menyebabkan kejatuhan dalam jumlah rizab, katanya.

Semasa ditanya mengenai kesan kenaikan dua sen harga petrol dan diesel yang berkuatkuasa hari ini terhadap ekonomi, beliau berkata tidak akan ada kesan kerana kenaikan itu adalah minimum.

Subsidi kerajaan terhadap bahan bakar telah begitu lama dilaksanakan dan ia perlu memperoleh semula sebahagian daripada kos itu, katanya.

-- BERNAMA

MAD ZS RON